

VARIASI

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



www.mpkj.gov.my

majlis perbandaran kajang

aduan@mpkj.gov.my

1-800-88-6755 / 03-8737 7899



Yang Dipertua MPKj, Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar (kiri) ketika menerima

**SIJIL SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (SIM) DAN SIJIL MS ISO 9001: 2015**



1997-2017
Ke Arah Perbandaran Yang Cemerlang

MPKJ Tahun





MAJLIS BERSAMA JABATAN MBJ MPKj (Pihak Pekerja)

Tahniah diucapkan kepada yang terpilih sebagai kepimpinan baru Ahli Jawatan Kuasa Majlis Bersama Jabatan Majlis Perbandaran (MBJ) kajang bagi pihak pekerja untuk sesi 2017/2018

APA ITU MBJ?

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ialah sebuah medium dua hala, di mana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.

PENUBUHAN MBJ

Semua agensi Kerajaan yang mengendalikan secara langsung urusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan hal ehwal kewangan serta mempunyai kuasa untuk menimbang dan membuat keputusan ke atas perkara-perkara tersebut adalah dikehendaki menubuhkan MBJ. Bagi tujuan penubuhan MBJ, satu draf perlembagaan yang telah dipersetujui oleh Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja perlu digubal terlebih dahulu dan hendaklah dikemukakan kepada JPA untuk kelulusan.

BIDANG DAN FUNGSI

Skop, bidang dan fungsi MBJ lebih menitikberatkan kepada kepentingan pekerja-pekerja dalam sesebuah organisasi. Di samping bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja, ia juga boleh dijadikan sebagai satu forum perbincangan di antara Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja. MBJ

yang aktif secara tidak langsung akan dapat menyemai semangat bekerja di kalangan pekerja untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dan produktif.

PERKARA YANG BOLEH DIBINCANGKAN

Perkara yang boleh dibincang adalah meliputi semua perkara yang berkaitan dengan tempat bekerja kecuali yang menyentuh dasar Kerajaan atau hal-hal peribadi. Walau bagaimanapun, isu berkaitan dasar boleh dibincangkan dengan tujuan menerangkan pelaksanaannya sahaja.

Antara perkara-perkara yang boleh dibincangkan di dalam forum meliputi isu perkhidmatan, skim perkhidmatan dan perjawatan, kebajikan, pentadbiran, kewangan, elaun, kemudahan dan hal-hal lain.

FAEDAH MBJ

Di antara faedah yang boleh daripada mesyuarat MBJ ialah dapat mewujudkan hubungan dan sikap yang positif antara Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja, kepuasan hati, peningkatan daya pengeluaran, peningkatan kualiti kerja, penjimatan kos, kemajuan pekerja, sikap hormat menghormati, penyelesaian masalah, kesetiaan kepada organisasi dan perpaduan.

AHLI JAWATAN KUASA MBJ MPKj (Kakitangan)



RAJANI BIN RAJIMIN
Pengerusi



MOHD NORHAFFIZ BIN MAZLAN
Setiausaha



ZAZALI BIN MUHAMAD
Ahli



ZULFADU BIN ABDUL MALIK
Ahli



BALAN A/L MUNIANDY
Ahli



ZULKHAIRI BIN MOHAMED
Ahli



NORAZMI BIN AHMED ROSELY
Ahli



MARGARET A/P
MARIANATHAN
Ahli

Sempena Sambutan 20 Tahun Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) pada tahun ini, telah mengadakan kempen “**Jom Bayar Tunggakan Cukai Taksiran**” bagi menarik pemilik-pemilik harta di kawasan pentadbiran membayar cukai taksiran mereka terutamanya kepada pemilik-pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai taksiran.

Kempen ini telah diadakan mulai **1 Mac 2017 sehingga 31 Disember 2017** dimana menawarkan diskaun sebanyak **100% ke atas caj fi notis dan caj waran tahanan** kepada pemilik-pemilik yang membuat bayaran secara penuh cukai taksiran semasa, tunggakan cukai dan lain-lain caj di kaunter-kaunter hasil MPKJ.

Manakala tawaran diskaun sebanyak **75% ke atas caj fi notis dan caj waran tahanan** pula akan diberikan kepada pemilik-pemilik yang memilih untuk membuat pembayaran cukai taksiran semasa, tunggakan cukai dan lain-lain caj secara ansuran **sehingga 3 kali ansuran** di kaunter-kaunter hasil.


Walau bagaimanapun, tawaran diskaun ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

Pemilik-pemilik boleh memohon diskaun yang ditawarkan menggunakan **borang permohonan rasmi** yang boleh didapati **di semua kaunter hasil di Menara MPKJ, kaunter cawangan hasil Hentian**

Kajang, Jalan Reko dan kaunter cawangan hasil di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras atau boleh juga muat turun borang tersebut di laman sesawang iaitu www.mpkj.gov.my

Pemilik-pemilik harta di kawasan pentadbiran adalah dinasihatkan untuk mengambil peluang keemasan yang ditawarkan semasa kempen ini untuk membayar cukai taksiran mereka. Selepas tempoh kempen ini berakhir, majlis akan mengambil tindakan undang-undang kepada pemilik-pemilik harta yang tegar seperti yang diperuntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Oleh : Nurul ain Bt. Abdul Halib



KEMPEN “JOM BAYAR TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN”



AIR TERJUN

SUNGAI GABAI



Tercatat dalam peta pelancongan negeri Selangor dan terletak lebih kurang 30 kilometer dari Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur. Kejernihan airnya yang mengalir setinggi 7 tingkat adalah sesuatu yang tidak dapat dilupakan bila kita berada di sini. Tempat ini telah dinaiktaraf dan dibaikpulih bagi memberi keselesaan kepada pengunjung yang datang ke Sungai Gabai.

Asalnya air terjun Sungai Gabai ini adalah merupakan punca air bagi penduduk yang mengerjakan sawah padi di awal tahun 60an. Namun begitu, pada awal tahun 80an Sungai Gabai telah dikunjungi oleh rombongan orang Inggeris lebih kurang 50 dan juga dimana Sungai Gabai mula mendapat tempat di hati mereka.

Dikelilingi kawasan perkebunan buah-buahan, ia menjadi lebih meriah lagi di antara bulan Jun hingga Ogos. Ini kerana pada bulan-bulan ini musim buah-buahan sedang diraikan oleh penduduk kampung dan orang luar yang berkunjung ke sini. Siapa tidak kenal Durian Hulu Langat, tempat di mana ramai yang datang bersantai bersama keluarga sambil merasai kehidupan kampung yang sebenar.

Kunjungilah Air Terjun Sungai Gabai, dan anda akan merasai kemeriahan terutamanya pada hujung minggu dengan disambut oleh deruan air terjun Sungai Gabai.



Bangi 11 Mac 2017, kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada wakil media dan kakitangan Majlis Perbandaran Kajang berkumpul bagi menayakan pertandingan bowling bersama media di Ampang Superbowl, Bangi Gateway. Kejohanan bowling ini telah disertai oleh beberapa agensi pengamal media seperti Media Prima, The Star, Utusan Malaysia, Sinar Harian dan beberapa agensi media lain. Kejohanan yang julung kali dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Kajang ini bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala di antara pihak Majlis dengan pihak media khususnya.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Yang Dipertua MPKj Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar sebelum kejohanan bermula, beliau mahu aktiviti riadah seperti ini menjadi budaya dalam hidup setiap individu walau berdepan dengan tugas dan beban kerja yang banyak seperti pengamal media. Yang Dipertua juga mahu Penganjuran seperti ini dapat diteruskan pada

masa akan datang dan dapat menarik lebih ramai lagi pengamal media dalam menjalinkan hubungan serta kerjasama yang lebih erat bersama Majlis Perbandaran Kajang.

Kejohanan ini berakhir kira-kira jam 1.00 tengahari dengan acara penyampaian hadiah disampaikan sendiri oleh Yang Dipertua MPKj kepada para pemenang. Setiap agensi media yang hadir diberi cenderahati berupa hamper & goodies bag supaya tidak pulang dengan tangan kosong. Pihak Majlis mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang hadir khususnya pihak media yang turut sama menayakan kejohanan ini.

BOWLING BERSAMA MEDIA

Oleh : Mohd Khirwan Bin Abdullah





OPS NODA

GERAK GEMPUR KHAS TANGANI RUMAH URUT TANPA LESEN

Oleh : Azri Bin Amir

Satu operasi gerak gempur khas bagi menangani Rumah Urut dan Pusat Kecantikan tanpa lesen telah dilaksanakan bermula pada 16hb Mac - 23hb Mac 2017 yang lalu. Operasi tersebut telah diketuai oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan dibantu Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Kajang. Seramai lebih kurang 100 orang anggota PDRM dan Jabatan Penguatkuasaan MPKj telah menjayakan operasi yang berlangsung selama 7 hari. Operasi bermula pada jam 6.00 petang dan tamat sekitar jam 12.00 tengah malam pada setiap hari operasi.

Pada operasi tersebut, sebanyak 18 premis rumah urut dan pusat kecantikan telah diperiksa. Hasil operasi juga mendapati premis-premis tersebut tidak mempunyai lesen serta melanggar syarat lesen yang telah dikeluarkan oleh pihak MPKj. Sebanyak 59 unit tilam, 12



Kelihatan pegawai penguatkuasa dari Majlis Perbandaran Kajang sedang membuat pemeriksaan ke atas premis berkenaan.



Beberapa barang & kelengkapan seperti langsir yang disita atas beberapa kesalahan.

unit kerusi urut, 74 unit langsir dan 32 unit katil telah disita. Tindakan yang telah diambil adalah berpandukan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MPKj) 2007.

Operasi seperti ini akan dijalankan dari masa ke semasa oleh agensi-agensi yang terlibat untuk memastikan tiada aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral ini dari terus berleluasa. Kerjasama dari orang awam juga adalah diharapkan agar dapat menyalurkan sebarang maklumat aktiviti tersebut untuk diambil tindakan oleh agensi yang terlibat.

UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK PBT MALAYSIA

Oleh : Mohamad Razali Bin Kamaruddin



Kira-kira 110 penyertaan diterima daripada Ujian Kemahiran Menembak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia sempena sambutan 20 Tahun Majlis Perbandaran Kajang. Acara ini telah diadakan di Lapang Sasar Kelab Menembak Kajang Sungai Jelok dengan kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia. Pertandingan itu telah diadakan pada 18hb Mac 2016, dengan membabitkan enam kategori keseluruhan, untuk acara terbuka PBT kategori yang dipertandingkan iaitu Centre Fire (individu), Special Events (individu), Centre Fire (berpasukan) dan Falling Plate (berpasukan). Selain Kategori itu turut dipertandingkan kategori bagi VIP iaitu Centre Fire

(individu) dan Falling Plate (kumpulan) yang mana ianya terdiri daripada Exco Kerajaan Tempatan, ADUN, Yang Dipertua, ketua Pegawai Kerajaan, Ahli Majlis serta Pengarah Jabatan dari Majlis Perbandaran Kajang. Pertandingan ini telah disertai oleh kakitangan daripada Majlis Bandaraya Ipoh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Kajang sendiri dan lain-lain. Objektif pertandingan ini diadakan bagi memupuk hubungan silaturahim di kalangan peserta pertandingan yang terdiri daripada seluruh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.



AKTIVITI AHLI MAJLIS BULAN FEBRUARI-MAC

Zon
2



Gotong-Royong Perdana Pangsapuri
Taman Segar Perdana

Zon
1



Program Pertandingan Memancing 2017

Zon
7



"One Big Family" Dan Kampan
Keluarga Penyayang 2017

Zon
8



Program Edaran Buah Limau Mandarin

Zon
9



Majlis Pelancaran Kad Peduli Sihat
& Peduli Siswa

Zon
15



Program Ziarah Mesra Prihatin Dan
Taufan Mahabbah

Zon
16



Gotong-Royong Pangsapuri Teratai
Bandar Teknologi Kajang

Zon
22



Kejohanan Sepak Takraw Taman Sahabat

Zon
23



Gotong-royong Penduduk Puspasari Sek 3
Bandar Baru Bangi

**Zon
24**



Kajohanan Bowling Tertutup Persatuan Penduduk
Taman Impian Putra Fasa 6

**Zon
1**



Karnival Sukan Sungai Lui 2017

**Zon
2**



Program Cuti Sekolah Menonton Filem "Adiwiraku"

**Zon
7**



Kempen Keselamatan Kebakaran Negeri Selangor

**Zon
9**



Program Cegah Jenayah & Pemeriksaan Kesihatan

**Zon
10**



Pesta Ang Pau Wonder Star

**Zon
16**



Program Motivasi Diri MPP Zon 16 2017

**Zon
23**



Program Pembuatan Baja Organik

**Zon
24**



Majlis Anak Kariah Cemerlang

**Zon
25**



Program Aisyah The Bookworm

FIESTA WANITA & KELUARGA SEMENYIH 2017

Oleh : Norehan Bt. Muhamad Zahidi



Fiesta Wanita & Keluarga Semenyih 2017 telah berlangsung pada 24, 25 dan 26 Mac 2017 (Jumaat, Sabtu dan Ahad) di Dataran Tesco Semenyih disambut meriah dengan pelbagai acara-acara menarik pengunjung di sekitar Kajang dan Semenyih. Penganjuran ini adalah Sempena Hari Wanita yang diraikan pada bulan Mac setiap tahun. Program ini dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Kajang bersama Ahli Majlis MPKj Zon MPP 19, 15, 18, 17, 14 dan 16 dengan mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Penyelaras Dun N24 Semenyih dan Ahli Parlimen Hulu Langat.

Fiesta Wanita & Keluarga Semenyih ini juga turut mendapat kerjasama daripada usahawan-usahawan Uptown Semenyih, Car Boot Sale Persatuan Penduduk Taman Pelangi Semenyih, TESCO Semenyih, Pusat Wanita Berdaya (PWB) Dun Kajang, Bangi, Balakong dan Dusun Tua. Tujuan program Sambutan Hari Wanita ini diadakan adalah sebagai langkah pro-aktif berganding bahu dengan kaum

lelaki agar dapat membentuk masyarakat madani yang ada jati diri dan mampu mengharungi cabaran semasa. Selain itu, Majlis Perbandaran Kajang dan Kerajaan Negeri Selangor menyokong penglibatan wanita dalam program kemasyarakatan terutama sokongan kaum lelaki membantu wanita dari pelbagai aspek.

Matlamat dan visi Kerajaan Negeri Selangor mencapai kesaksamaan gender serta memberikan kesaksamaan hak dan peluang kepada wanita di semua peringkat bagi memupuk keadilan sosial dan keharmonian masyarakat majmuk di Selangor.

Sehubungan dengan ini, adalah diharapkan program wanita dan keluarga dapat diteruskan pada masa hadapan agar ikatan ukhawah dan persaudaraan pelbagai bangsa, kaum dan umur dapat disatukan dalam satu kelompok masyarakat, yang Terunggul Di Malaysia, Hanya Di Selangor.





HARI BERTEMU PELANGGAN MPKJ

Oleh : Mohamad zawawi Bin Baharon

Bangi 25 Februari 2017, Majlis Perbandaran Kajang sentiasa prihatin dengan masalah penduduk dengan mengadakan Program Hari Bertemu pelanggan di TESCO Bandar Puteri Bangi. Program ini dianjurkan bagi mengambil langkah proaktif pihak Majlis dalam menyelesaikan aduan-aduan yang diterima terus daripada penduduk setempat. Program tersebut juga turut menjemput Kementerian Kesihatan Daerah bagi menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma dan Pihak YAWAS bagi membuka kaunter pendaftaran Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS).

Seperti program hari bertemu pelanggan yang sebelum ini, pihak Majlis menjemput wakil pegawai kanan dari setiap jabatan di Majlis Perbandaran Kajang bagi mendengar serta menyelesaikan sendiri

sebarang masalah atau aduan yang diterima daripada penduduk. Sebanyak 25 aduan telah dikumpul pada hari berkenaan yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga jam 3.00 petang. Antara masalah dan aduan yang paling banyak diterima iaitu pembersihan longkang serta masalah anjing liar yang berkeliaran dan mengganggu ketenteraman awam.

Penganjuran program ini adalah kali pertama untuk tahun 2017 dan sambutan serta kerjasama dari pengunjung amat baik. Pada hari berkenaan juga pihak Majlis telah mengedarkan sebanyak 200 beg kitar semula biodegradable kepada para pengunjung sempena menyokong saranan Kerajaan Negeri Selangor dalam kempen pengurangan beg plastik dan polisterin di Pusat Membeli Belah.

PEKERJA TERBAIK BULANAN



FEBRUARI 2017

| BIL | NAMA | JAWATAN | JABATAN |
|-----|-------------------------------------|-------------------------------------------|--------------------------------------------|
| 1. | NORASHIKIN BINTI ABD. RAZAK | PEMBANTU TADBIR | KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. | WAN SUKRI BIN WAN AWANG | PEKERJA AWAM (KUP) | KEJURUTERAAN |
| 3. | SITI LIYANA SHAZA BINTI SAMSURIA | PENOLONG AKAUNTAN | PERBENDAHARAAN |
| 4. | NORSAINI BIN MAT ISA | PEN. PEG. PERANCANG BANDAR & DESA (KANAN) | PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 5. | MOHD AQEL BIN MOHD ZULLKARNAIN | PEMANDU | KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 6. | MOHD FADLY BIN SYAHRUDDIN | PEMBANTU PENILAIAN (KANAN) | PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 7. | NUR SYAZWANIE NADRAH BINTI MUSTAFFA | PEMBANTU TADBIR | UNDANG-UNDANG |
| 8. | SYAFIQAH BINTI SULAIMAN | PENOLONG PEGAWAI SENIBINA | KAWALAN BANGUNAN |
| 9. | ARASALAN KUMARAN A/L PERUMAL | PEMBANTU AWAM | LANDSKAP DAN REKREASI |
| 10. | SELVAM A/L MUNIANDY | PEMANDU (KUP) | PELESENAN DAN PENJAJA |
| 11. | NORSYAZWANI BINTI CHE SOH @ NORDIN | PEN. PEG. KESIHATAN PERSEKITARAN | PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM |
| 12. | ZURAIMI BIN ZAKARIA | PENOLONG JURUTERA | PUSAT SETEMPAT (OSC) |
| 13. | MUHAMMAD SHAHRIZAD BIN DOLMALA | PEMANDU | PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) |
| 14. | - | - | AUDIT DALAM |
| 15. | NURUL NADIRAH BINTI RASIDIN | PEMBANTU PENGUATKUASA | PENGUATKUASAAN |

MAC 2017

| BIL | NAMA | JAWATAN | JABATAN |
|-----|--------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------------|
| 1. | MAZUITA BINTI ABDUL RANI | PENOLONG PEGAWAI TADBIR (KANAN) | KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. | NORANIZA BINTI OTHMAN | PENOLONG JURUTERA | KEJURUTERAAN |
| 3. | EMALIA FARIZAH BINTI IDRIS | PEMBANTU TADBIR KEWANGAN | PERBENDAHARAAN |
| 4. | NUR AZLIN BINTI JAFARI @ ADNAN | PEN. PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA | PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 5. | HASAN FIKRI BIN SAFAR | PEMBANTU TADBIR | KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 6. | SHARIZAL BIN MOHAMED | PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN | PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 7. | ISMAIL BIN MAT RASIDIN | PEMANDU | UNDANG-UNDANG |
| 8. | NURUL FARHANAH BINTI OTHMAN | PENOLONG PEGAWAI SENIBINA | KAWALAN BANGUNAN |
| 9. | SAHRINAWATI BINTI SULAIMAN | PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN (KANAN) | LANDSKAP DAN REKREASI |
| 10. | NOR LATIZA BINTI ABDUL LATIB | PEMBANTU TADBIR | PELESENAN DAN PENJAJA |
| 11. | MOHAMAD HASRI BIN SULAIMAN | PEKERJA AWAM (KUP) | PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM |
| 12. | THAMOTHARAN A/L MANOKARAN | PEMBANTU OPERASI | PUSAT SETEMPAT (OSC) |
| 13. | AZWANAZIZI BIN SELAMAT | PEMBANTU TADBIR | PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) |
| 14. | - | - | AUDIT DALAM |
| 15. | HALIL BIN AYOB | PEMBANTU PENGUATKUASA | PENGUATKUASAAN |



ANUGERAH DAN PENGHARGAAN



PENERIMAAN SIJIL SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI DATA SISTEM INTEGRASI MAJLIS (SIM) DAN MS ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. : MY – AR 6479

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Oleh : Mohd Khirwan Bin Abdullah

Bangi 31 Mac 2017, Seramai 60 orang kakitangan Majlis Perbandaran Kajang yang cemerlang bagi tahun 2016 diraikan pada malam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKJ 2016 bertempat di Dewan German Malaysian Institute (GMI) Bangi. Pada Majlis itu juga seramai 10 orang pesara dan 3 waris kakitangan yang telah meninggal dunia pada tahun 2016 turut diberikan cenderahati penghargaan di atas perkhidmatan mereka sepanjang tempoh berkhidmat dengan MPKJ.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah majlis tahunan bagi menghargai jasa dan komitmen kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2016 disamping mengangkat peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat khususnya warga Perbandaran Kajang. Penerima anugerah dinilai dari segi kebertanggungjawab, integriti, kepatuhan terhadap peraturan kerja, prestasi memberangsangkan, kemampuan menyelesaikan tugas dengan baik serta usaha dan komitmen kakitangan dalam menjalankan tugas yang diberi.

Penerima menerima hadiah prestasi berjumlah RM1,000 setiap seorang, Sijil Perkhidmatan Cemerlang, frame gambar penerima anugerah serta cenderahati daripada Majlis Perbandaran Kajang.

Tetamu VVIP yang dijemput bagi merasmikan majlis ini iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya. Majlis juga turut menjemput mantan Timbalan Yang Dipertua MPKJ iaitu Tuan Haji Zamani Ahmad Bin Haji Mansor serta Pegawai daripada SIRIM Malaysia. Turut hadir dalam majlis ini iaitu Yang Dipertua MPKJ sendiri Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar, Pemangku Timbalan Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis, Pegawai serta kakitangan Majlis Perbandaran Kajang.





**AUDIT ISMS DI MAJLIS
PERBANDARAN KAJANG
3 & 4 FEBRUARI 2017
MENARA MPKJ**



**MAJLIS MENYEMARAK INISIATIF
PEDULI RAKYAT
28 FEBRUARI 2017
DATARAN STADIUM KAJANG**



**PROGRAM SEMBURAN
AEROSOL SELANGOR
26 FEBRUARI 2017
SEKSYEN 5, BANDAR RINCHING
SEMENYIH**



**PERHIMPUNAN PAGI MPKJ
BULAN MAC 2017
8 MAC 2017
MENARA MPKJ**



**LAWATAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
22 MAC 2017
MENARA MPKJ**

sempena
SAMBUTAN 20 TAHUN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
bermula **1 mac 2017** sehingga **30 jun 2017**

KEMPEN PENGURANGAN KOMPAN

***TERTAKLUK KEPADA KOMPAUN-KOMPAUN YANG TERPILIH**



**TAWARAN HEBAT
DISKAUN
KOMPAN MPKJ**

jangan lepaskan peluang

Sebarang pertanyaan, sila hubungi
Jabatan Undang-undang, MPKJ ditalian
03-8737 7899 (sambungan 3013)

kompau yang telah dibawa untuk tindakan pendakwaan di mahkamah adalah terkecuali daripada kempen ini



**PENGGAL 1
JANUARI - JUN**

Pada atau sebelum
28 Februari

**PENGGAL 2
JULAI - DISEMBER**

Pada atau sebelum
31 Ogos

**ELAKKAN
DARIPADA**

-BIBENDA -HARTA DISITA
-TINDAKAN UNDANG-UNDANG
-TINDAKAN KAHRET

**"Cukai Membantu
Pembangunan
Bandar Kajang"**

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN

CUKAI TAKSIRAN?

Dapatkan Tawaran **Diskaun**
F1 Notis dan **Waran Tahanan**
sempena sambutan 20 tahun MPKJ

100%

(jika pernah bayar)

75%

(jika bayar ansuran
3 kali)

1 Mac 2017 - 31 Disember 2017



selangorku



HOT LINE : 1-800-88-6755 | BERETIKA KEHIDUPAN BERKUALITI

Sidang REDAKSI & JAWATANKUASA WEB

PENAUNG

Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar S.M.S

PENASIHAT

Datuk Nizam Bin Sahari D.P.S.M

KETUA PENGARANG

En. Kamaruzaman Bin Salimin A.I.S., P.P.T

PEN. KETUA PENGARANG

En. Rajani Bin Rajimin

SETIAUSAHA

En. Muqni Mubarak Bin Anwar Mubarak

PEN. SETIAUSAHA

En. Mohd Khirwan Bin Abdullah

PENGERANG

Pn. Norehan Bt. Muhamad Zahidi

Pn. Suzianaliza Bt. Mohd Yunus

En. Mohd Norhazeman Bin Md Noh

Cik. Norzilawati Bt. Ismail

Pn. Subeha Bt. Mohd Saleh

Pn. Jamilah Bt. Osman

En. Awang Ali Bin Awang Sahari

En. Mohamad Razali Bin Kamaruddin

En. Muhammad Nazir Bin Awang @ Abdul

Rahman

Pn. Nurul Farhanah Bt. Othman

En. Muhammad Khairul Hafizi Bin Osman

En. Azri Bin Amir

En. Faizol Bin Hatzi

En. Muhammad Izzat Bin Kamaruddin

En. Mohd Fazli Bin Idris

En. Khairul Naeim Bin Mohamed

Pn. Zetyafzan Rais Binti Mohamad

JURUGAMBAR

En. Mohamad Zawawi Bin Baharon

En. Khairul Nizam Bin Hijad Ali

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat & Pembangunan

Masyarakat

Majlis Perbandaran Kajang

Menara MPKJ, Jalan Cempaka Putih,

Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang,

Selangor Darul Ehsan

Telefon : 03 8737 7899

Hotline Aduan : 1 800 88 6755

Faks : 03 8733 5743

Email : aduan@mpkj.gov.my